

D881

U B136 AAB
MAHATHIR - JURURAWAT

KUALA LUMPUR, 23 FEB (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA MASALAH KEKURANGAN JURURAWAT YANG MERUPAKAN FENOMENA BARU MELANDA DUNIA; KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEKURANGAN ITU DISEBABKAN OLEH BEBERAPA PERKARA TERMASUK NEGARA-NEGARA YANG KAYA RAYA SEDANG MEMPELAWA WARGANEGARA ASING UNTUK BEKERJA DALAM INSTITUSI PERUBATAN MEREKA DENGAN GAJI YANG LUMAYAN.

KATANYA; DI NEGARA-NEGARA YANG MAJU, RAKYATNYA PULA ENGGAN BEKERJA SEBAGAI JURURAWAT KERANA TAKUT DIJANGKITI OLEH PENYAKIT TERTENTU YANG BOLEH MEMBAWA MAUT YANG SEDANG MELANDA NEGARA MEREKA.

+OLEH KERANA SEBAB-SEBAB INI, TAWARAN KERJA UNTUK JURURAWAT DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SUDAH MENINGKAT DENGAN PESAT,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS TAPAK INSTITUT JANTUNG NEGARA DI SINI.

MENURUTNYA, KERAJAAN TIDAK MAMPU MENYAINGI TAWARAN GAJI YANG TINGGI DAN DENGAN ITU MUNGKIN KEHILANGAN JURURAWAT TEMPATAN UNTUK MENGISI JAWATAN-JAWATAN PENTING YANG SEDANG DIWUJUDKAN SEPERTI UNTUK INSTITUT ITU.

-- LAGI

1827MST 23 02 90

MAHATHIR - JURURAWAT 2 KUALA LUMPUR

KEADAAN ITU JUGA MUNGKIN MENYEBABKAN KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL JURURAWAT DARI NEGARA-NEGARA YANG KURANG MAJU DARIPADA NEGARA INI, KATANYA.

KERAJAAN JUGA AKAN MEMBENARKAN SEKTOR PERUBATAN SWASTA MENGAMBIL JURURAWAT DARI LUAR NEGERI SUPAYA MEREKA TIDAK LAGI MENGAMBIL JURURAWAT KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT JUGA HARUS MENGUBAH TUMPUAN UNTUK MENGHADAPI MASALAH BARU DALAM CORAK PENYAKIT YANG DIALAMI OLEH NEGARA.

+CORAK PENYAKIT YANG KITA ALAMI PADA MASA INI MENYERUPAI CORAK YANG TERDAPAT DI NEGARA MAJU,+ KATANYA.

ANTARA PERUBAHAN YANG NYATA IALAH PENINGKATAN BILANGAN PENYAKIT JANTUNG, YANG MENURUT BELIAU, TELAH MENJADI PENYEBAB UTAMA KEMATIAN DI NEGARA INI DAN TIDAK LAGI MALARIA, TAUN ATAU BATUK KERING. -- LAGI
1838MST 23 02 90

D892

U B146 AAB
MAHATHIR - JURURAWAT 3 KUALA LUMPUR

PEMBINAAN INSTITUT JANTUNG NEGARA ITU AKAN MENJADI PUSAT RUJUKAN UTAMA BAGI MERAWAT PENYAKIT JANTUNG DAN AKAN MEMPUYAI KELENGKAPAN TEKNOLOGI PERUBATAN TERMODEN, KATANYA.

BELIAU BERKATA INSTITUT ITU JUGA AKAN DIGUNAKAN SEBAGAI PUSAT LATIHAN DAN PENYELIDIKAN DALAM BIDANG KARDIOLOGI DAN PEMBEDAHAN KARDIOTORANSIK SERTA MEMBERIKAN PENDIDIKAN KESIHATAN MENGENAI PENCEGAHAN DAN PEMULIHAN PENYAKIT JANTUNG KEPADA MASYARAKAT.

KATANYA, KEMENTERIAN KESIHATAN TELAH MENGATUR SATU PROGRAM PENCEGAHAN KOMPREHENSIF UNTUK MENYEKAT PENYAKIT KARDIOVASKULAR DARIPADA MENJADI SATU WABAK.

+ADALAH MENJADI HARAPAN KITA SEMOGA DENGAN MEMPUYAI PROGRAM PENCEGAHAN SERTA PROGRAM RAWATAN YANG BERMUTU TINGGI LAGI BERKESAN, KITA AKAN DAPAT MEWUJUDKAN SATU MASYARAKAT YANG LEBIH SIHAT DAN MENGALAMI MUTU HIDUP YANG BERKUALITI,+ KATA PERDANA MENTERI.

DALAM UCAPANNYA, MENTERI KESIHATAN, ENCIK NG CHENG KIAT BERKATA PENYAKIT JANTUNG DAN KARDIOVASKULAR MENINGKAT SEBANYAK 52 PERATUS DARI TAHUN 1980 HINGGA 1988. -- LAGI
1850MST 23 02 90

D896

U B148 AAB
MAHATHIR - JURURAWAT 4 KUALA LUMPUR

DI SEMENANJUNG SAHAJA, SEBANYAK 29 PERATUS DARIPADA KEMATIAN PADA TAHUN 1988 DISAHKAN AKIBAT PENYAKIT JANTUNG DAN KARDIOVASKULAR, KATANYA.

BELIAU BERKATA INSTITUT ITU AKAN MEMPUYAI 255 KATIL, TERMASUK 30 KATIL UNTUK RAWATAN INTENSIF, DAN EMPAT DEWAN BEDAH.

KATANYA, INSTITUT ITU DIJANGKA MENJALANKAN TIDAK KURANG DARIPADA 1,200 PEMBEDAHAN JANTUNG TERBUKA DAN 300 PEMBEDAHAN CARA LAIN DALAM SETAHUN.

MENURUT LAPORAN SEBELUM INI, INSTITUT ITU BERHARGA \$65 JUTA DAN DIBINA BERSAMA OLEH SEBUAH SYARIKAT AUSTRIA DAN SEBUAH SYARIKAT TEMPATAN. -- BERNAMA